

24 APR 1997

NITC AKAN ANJURKAN MULTIMEDIA ASIA `97

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menganjurkan persidangan Multimedia Asia 1997 dan pameran (MMA `97) mulai 16 hingga 19 September.

Acara tersebut satu rangka kerja tahunan antarabangsa kedua bagi dialog dan penilaian kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda IT Kebangsaan akan dirasmikan oleh Dr Mahathir bertempat di Mines Resort, Sungai Besi, demikian menurut satu kenyataan NITC hari ini.

Kenyataan itu telah dikeluarkan selepas mesyuarat dua jam NITC di Jabatan Perdana Menteri di sini.

MMA `97 yang bertemakan "Mengerakkan MSC Dari Wawasan Kepada Kenyataan: Angka Rujuk Penyelesaian Pintar," akan dijadikan pelantar bagi membincangkan isu penting yang berkaitan dengan intergrasi sistem dalam perundangan, sekuriti, sosial, komersil dan alam sekitar yang berkaitan dengan MSC.

Acara itu juga dijangka akan menjadi tapak kepada pembekal teknologi bagi membangunkan perkongsian pintar dengan usahawan Malaysia bagi projek-projek dalam MSC dan juga bidang-bidang lain di rantau ini.

Pameran MMA `97 akan juga mempamerkan barangan yang berkaitan dengan MSC dan bandar raya IT seperti Putrajaya dan Cyberjaya.

Acara tersebut dianjurkan bersama oleh Mimos Berhad, Multimedia Development Corporation (MDC), Putrajaya Holdings Berhad dan Miller Freeman Sdn Bhd.-- BERNAMA

NI RI